

**NO. SOALAN : 43**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TAN SRI DATO SRI WILLIAM MAWAN IKOM  
[SARATOK]**

**TARIKH : 10.11.2014 (ISNIN)**

**TAN SRI DATO SRI WILLIAM MAWAN IKOM [ SARATOK ]** minta **MENTERI PEDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan apakah langkah Kementerian bagi memerangi kegiatan penyeludupan petrol dan diesel bersubsidi di negara ini memandangkan Kerajaan terpaksa menanggung kerugian sebanyak RM1.2 billion akibat sindiket penyeludupan petrol dan diesel bersubsidi dalam tempoh lima tahun kebelakangan ini.

## **JAWAPAN:**

**Tuan Yang Di-Pertua,**

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan telah mengambil pelbagai tindakan dalam menangani penyelewengan bahan petroleum bersubsidi. Sebagai usaha berterusan untuk meningkatkan keberkesanan dalam tindakan pencegahan, KPDNKK telah melaksanakan satu pelan khas yang menyeluruh di bawah **OPS TITIK** berkuatkuasa 15 Mei 2014 melalui dua pendekatan utama seperti iaitu:

**a) Pendekatan Dasar Dan Pentadbiran**

- i) Mewartakan petrol RON 95 dan diesel sebagai barang larangan eksport di bawah Peraturan-peraturan Kawalan Bekalan (Larangan Eksport) 2011;
- ii) Kawalan secara pelesenan di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961 dan Akta Kemajuan Petroleum 1974;
- iii) Mengenakan syarat larangan penjualan ke dalam tangki tambahan, milarang penjualan melebihi 20 liter bagi kenderaan asing dalam lingkungan 50km dari sempadan negara dan menghadkan waktu operasi stesen minyak dalam radius 10km dari kawasan sempadan sehingga jam 10.00 malam sahaja;
- iv) Menetapkan had penjualan diesel tidak melebihi 250 liter bagi setiap transaksi;
- v) Membatalkan kebenaran di bawah Akta Kemajuan Petroleum 1974 (PDA) bagi aktiviti *bunkering* dan lesen

- borong di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961 (CSA) yang beroperasi di jeti-jeti persendirian;
- vi) Membekukan dengan serta merta pengeluaran baharu kebenaran PDA serta lesen borong dan runcit petrol/diesel sehingga kajian menyeluruh untuk memperketatkan kawalan ketirisan selesai dibuat;
  - vii) Menggantung atau membatalkan kebenaran PDA dan lesen CSA mana-mana syarikat yang didapati terlibat atau disabitkan kesalahan oleh mahkamah dalam jenayah penyelewengan dan penyeludupan;
  - viii) Menghadkan kuota jualan diesel dan petrol di stesen-stesen minyak dalam radius 25km dari sempadan negara tidak melebihi 600,000 liter sebulan;
  - ix) Mengambil alih kawalan kuota diesel di semua stesen minyak dari syarikat-syarikat minyak; dan
  - x) Memperketatkan syarat permohonan kebenaran PDA dengan mengambil kira elemen intergriti dan memendekkan tempoh sah laku dari lima tahun ke dua tahun bagi mewujudkan kawalan yang lebih efektif.

**b) Pendekatan Penguatkuasaan**

- i) Menggempur semua *hotspot* penyelewengan bahan petroleum bersubsidi secara berterusan di seluruh negara dan mengambil tindakan undang-undang di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961 dan semua undang-undang lain yang berkaitan;

- ii) Merampas semua peralatan yang digunakan dalam perlakuan jenayah seperti kapal dan lori bagi mencegah kegiatan jenayah daripada berulang;
- iii) Merampas dan membekukan akaun serta aset penjenayah yang diperolehi dari sumber haram kegiatan penyelewengan dan penyeludupan bahan petroleum bersubsidi dan mendakwa penjenayah di bawah Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan (AMLATFA) 2011;
- iv) Semua kes bersabit penyelewengan dan penyeludupan bahan petroleum bersubsidi dihadapkan ke mahkamah (tanpa memberi tawaran kompaun) bagi mendapatkan hukuman yang lebih berat; dan
- v) Melaksanakan pengauditan ke atas pemberong bahan petroleum bersubsidi dan mengambil tindakan undang-undang jika didapati terlibat dalam jenayah penyelewengan.